

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**  
**TARIKH : 25.5.2016**  
**SOALAN :**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah perancangan dalam masa terdekat ini untuk keseluruhan sekolah-sekolah di Labuan menjadi satu sesi memandangkan cuma tinggal satu sahaja lagi yang masih ada sesi petang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengambil inisiatif menjadikan sekolah-sekolah beroperasi dalam satu sesi bagi memudahkan pengurusan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran murid. Bagi tujuan tersebut, KPM telah merancang dan melaksanakan projek pembangunan pendidikan seperti pembinaan sekolah baharu, bangunan tambahan, bagunan gantian serta kerja-kerja ubah suai naik taraf untuk memastikan prasarana yang mencukupi bagi membolehkan sekolah beroperasi dalam satu sesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM maklum bahawa di Labuan hanya SMK Labuan yang masih beroperasi dalam dua sesi. Sehubungan itu, KPM dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) Labuan telah merancang menukuhkan sebuah Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) dalam *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Ke-11 khusus untuk menempatkan murid Tingkatan Enam. Langkah ini dapat menjadikan SMK Labuan beroperasi sebagai sekolah satu sesi apabila murid Tingkatan Enam daripada sekolah tersebut disurakan ke Kolej tersebut yang bakal dibina nanti. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan kerajaan.

**SOALAN ( 100 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 MEI 2016  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG  
[ LAWAS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah projek perumahan mampu milik yang akan dilaksanakan di Sarawak dan adakah harga yang akan ditawarkan sama dengan harga rumah mampu milik di Semenanjung.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Sarawak sejak dari tahun 2002 sehingga 30 April 2016 ialah sebanyak 11 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 projek PPR telah siap dibina manakala 2 projek masih dalam pembinaan dan 3 lagi projek PPR masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Bagi projek PPR Disewa, kadar sewa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah sama iaitu RM124 sebulan. Manakala bagi PPR Dimiliki, harga jualan PPR di Semenanjung Malaysia adalah RM35,000 dan RM42,000 bagi Sabah/Sarawak.

Di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) pula, Kementerian telah memberi kelulusan kepada 3 projek di Sibu dan Kuching sebanyak 125 unit rumah. Harga yang ditawarkan di Semenanjung

Malaysia adalah antara RM80,000 sehingga RM200,000 manakala di Sabah/Sarawak pula adalah antara RM90,000 sehingga RM250,000.

Berikut adalah perincian 3 projek Skim MyHome yang telah diluluskan di negeri Sarawak :

Bil	Syarikat	Lokasi	Jenis Rumah	Harga (RM)	Unit
1.	Setegap Cahaya Sdn. Bhd.	Sibu	Teres 2 Tingkat	249,000	56
2.	Astromeri Sdn. Bhd.	Sibu	Teres 2 Tingkat	249,000	63
3.	Sumberdyna Sdn. Bhd.	Kuching	Teres 2 Tingkat	250,000	6

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016